

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Monday, October 1, 2018 8:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: (Ralat) KE ARAH KEPIMPINAN BAHARU 'SMART CALIPHS' - KURSUS KPO UUM CAS



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

01 OKTOBER 2018

20 MUHARRAM 1440H

=====

"UUM:UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KE ARAH KEPIMPINAN BAHARU 'SMART CALIPHS' - KURSUS KPO UUM CAS

“Dalam menjana idea bagi sesuatu projek pada hari ini, adalah perlu untuk kita berpegang kepada empat prinsip, iaitu kemanusiaan, komuniti, industri dan kenegaraan.”-Dr Massudi Mahmuddin, Dekan Pejabat Pembangunan dan Alumni (PPA) CAS.

BALIK PULAU, KEDAH – Adalah menjadi sesuatu yang begitu bernilai apabila 60 orang mahasiswa UUM yang menjadi ahli majlis tertinggi dalam kelab masing-masing di bawah PPA CAS berpeluang menyertai Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) yang dianjurkan oleh PPA CAS dengan bantuan beberapa orang Rakan CAS di Pusat Latihan Zakat (PULAZA) di Balik Pulau, Pulau Pinang bermula 20 September 2018 yang lalu. Kursus ini bertujuan untuk mendidik para peserta untuk menjadi seorang pemimpin yang baik dalam kelab masing-masing selain memahami prosedur-prosedur yang diperlukan semasa membuat projek



“Sebagai seorang pemimpin bukan sesuatu yang senang kerana anda perlu sentiasa memastikan ahli-ahli atau kawan-kawan anda di sekeliling tidak terabai terutamanya apabila kes *depression* yang semakin melanda dalam masyarakat anak-anak muda pada hari ini, “ ujar Dr Massudi Mahmuddin semasa slot *Ice Breaking*. “Kejadian depresi ini jika dibiarkan bukan sahaja akan memakan diri, malah boleh menggugat seluruh masyarakat apabila kes ini terus menular dalam pemuda-pemudi yang lemah dari segi kerohanian, “tambah Dr Massudi Mahmuddin lagi. Menurut beliau, kes depresi di Malaysia khususnya di Universiti Utara Malaysia ini semakin serius apabila ramai pelajar baharu yang baru mendaftar ini didapati terjerumus dalam depresi. “Jadi, sebagai pemimpin, kamu haruslah peka dengan keadaan kawan dan bertindak segera menyelamatkan mereka daripada terus kemurungan apabila mendapati simptom depresi pada mereka, “ tambah Dr Massudi Mahmuddin lagi.

Sepanjang kursus itu, peserta-peserta sekalian dicurahkan dengan beberapa nilai murni yang diperlukan sebagai pemimpin kepada sesebuah organisasi melalui pelbagai aktiviti yang menarik seperti *Coin Game* dan *Tornado Adventure*. “Menjadikan kamu sebagai 10 sen, 20 sen atau 50 sen bukan sebagai tanda kepada harga diri anda, tetapi ingin mengingatkan kamu semua bahawa sesuatu organisasi tidak akan menjadi tanpa penglibatan mana-mana ahli organisasi tersebut, “ujar Afiq selaku pelatih kaunseling di UUM. “Melalui permainan ini, saya dapat iktibar bahawa kesetiaan ahli dalam sesebuah organisasi tidak akan diperoleh dengan mudah apabila pemimpin sendiri bersikap tidak adil dalam kepimpinannya,” tambah Muhammad Syahmi Fikri Mohd Ruslan, salah seorang peserta KPO. “Itulah sebab sebagai pemimpin atau ahli-ahli majlis tertinggi dalam sesuatu organisasi, pastikan anda semua boleh berunding atau berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat dalam projek kita tak kira pihak dalam atau pihak luar, “ kata Afiq lagi.



Dalam kursus ini, para peserta turut berpeluang menunjukkan bakat masing-masing apabila mereka mempersembahkan tarian atau lakonan masing-masing dalam Malam Aspirasi Kelab. “Syabas dan tahniah kerana dapat mempersembahkan sesuatu yang begitu menarik dan ini menunjukkan bahawa kamu dapat bekerjasama antara satu sama lain untuk menjayakan sesuatu projek,” ujar Dr Massudi Mahmuddin yang turut selaku ketua juri pada Malam Aspirasi Kelab tersebut. “Ini bukan sesuatu yang senang kerana anda diberi masa yang begitu singkat tetapi masih dapat menghasilkan output yang begitu memberangsangkan meskipun dengan tekanan,” tambah Dr Massudi Mahmuddin lagi. Para peserta KPO ini tidak lupa untuk menyampaikan respons atau maklum balas tentang KPO

pada kali ini. “Menjadi pemimpin merupakan satu amanah yang diberikan kepada anda, ”ujar Dr Muhammad Farhan selaku Timbalan Dekan PPA CAS.

“Boleh dikatakan dengan aktiviti yang begitu padat dan taklimat yang begitu banyak, saya lebih memahami lagi apa yang perlu saya lakukan sebagai tulang belakang kelab saya,” kata Nurhasyimah Muhammad Ali selaku Presiden kepada PERKAP. “Terima kasih diucapkan kepada PPA CAS kerana berjaya menganjurkan KPO yang begitu membantu kami dalam membina diri kami sebagai seorang pemimpin,” ujar Teow Boon Keong selaku penghulu dalam KPO tersebut. “Tanpa KPO ini, kami tidak akan mengetahui ciri-ciri seorang pemimpin yang sepatutnya diamalkan oleh diri kami,” tambah beliau lagi.

Selain itu para pelajar juga diberi peluang untuk melawat Pusat Astronomi Falak Syeikh Tahir di Pantai Aceh, Pulau Pinang. Taklimat berkenaan sistem bintang dan bulan serta alat untuk meneropong angkasa diberikan kepada para pelajar. Kesemua peserta amat teruja kerana diberi peluang untuk menggunakan alatan tersebut. Lawatan tersebut diketuai oleh Dr. Muhammad Farhan Timbalan Dekan PPA CAS.



Tamat

=====
Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.